



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: +603-60332020 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

FAMA MEMPROMOSIKAN MALAYSIA'S BEST DAN MAHA 2026 DI (FDM) BY SIAL 2026 DI MITEC, KL

KUALA LUMPUR, 21 JULAI 2026 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) terus memperkukuh akses pasaran dan daya saing usahawan agro makanan tempatan menerusi penyertaan dalam Food and Drinks Malaysia (FDM) by SIAL 2026, yang berlangsung selama tiga (3) hari mulai 21 hingga 23 Julai 2026 di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur.

Penyertaan FAMA pada tahun ini menghimpunkan 23 syarikat usahawan agro makanan tempatan dengan lebih 100 Stock Keeping Unit (SKU) merangkumi produk segar dan produk hiliran agro makanan. FAMA menyasarkan potensi nilai jualan sebanyak RM3 juta sepanjang penyertaan ini, selain pendedahan kepada kira-kira 15,000 pengunjung yang dijangka menghadiri pameran berkenaan.

Pavilion FAMA menjadi platform strategik bagi mengetengahkan produk usahawan bimbingan FAMA termasuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS), peserta projek Ladang Kontrak serta pemegang pensijilan Malaysia's Best. Penyertaan ini memberi peluang kepada usahawan mempromosikan produk, meningkatkan kesedaran jenama serta meneroka peluang pasaran baharu melalui jaringan bersama pemborong, peruncit, pembeli perdagangan dan rakan niaga berpotensi dari dalam dan luar negara.

Majlis perasmian FDM 2026 disempurnakan oleh YB Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Beliau turut menyempurnakan gimik perasmian Pavilion FAMA yang diadakan pada hari pertama pameran.

Antara pengisian utama Pavilion FAMA ialah BizTalk, iaitu sesi padanan perniagaan khusus yang menjadi platform untuk mempertemukan usahawan agro makanan bimbingan FAMA dengan pengusaha pasar raya tempatan. Inisiatif ini membuka peluang kepada usahawan untuk membina rangkaian perniagaan, meneroka potensi penyenaraian produk dan seterusnya memperluaskan saluran pemasaran dalam pasaran domestik.

Selain peluang perniagaan, penyertaan dalam FDM by SIAL 2026 turut memberi pendedahan kepada usahawan mengenai trend dan permintaan pasaran semasa, teknik promosi, penjenamaan dan pembungkusan, kemahiran rundingan serta keperluan pensijilan dan piawaian bagi meningkatkan kebolehpasaran produk di peringkat domestik dan antarabangsa.

FAMA turut melaksanakan Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan, Sayur-sayuran dan Ternakan Terpilih Tempatan menerusi aktiviti uji rasa dan demonstrasi masakan oleh chef profesional. Antara menu yang diketengahkan ialah masakan berasaskan ayam belanda, arnab dan puyuh, sebagai usaha mempelbagaikan pilihan pemakanan serta menggalakkan masyarakat mengamalkan diet yang lebih seimbang dengan menyokong hasil agromakanan tempatan.

Sepanjang tiga hari pameran, pengunjung juga berpeluang menyaksikan pelbagai demonstrasi masakan, menyertai sesi uji rasa serta meneroka produk tempatan seperti pes masakan, minuman, snek, kopi, gula Melaka, produk berasaskan kelapa dan jagung, durian sejuk beku, produk berasaskan pisang dan koko, sayur-sayuran segar, melon, nangka, cendawan, tempe, roselle dan produk berasaskan tebu.

Penyertaan FAMA dalam FDM by SIAL 2026 mencerminkan komitmen berterusan agensi dalam memperkukuh ekosistem pemasaran agromakanan negara dengan menyediakan platform yang dapat menghubungkan usahawan kepada pasaran secara lebih luas. Usaha ini diharap dapat meningkatkan daya saing produk tempatan, memperluaskan jaringan perdagangan dan membuka lebih banyak peluang kepada usahawan untuk menembusi rantai bekalan domestik serta global.

Dalam masa yang sama, Pavilion FAMA turut menjadi platform hebahan bagi mempromosikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2026, yang bakal berlangsung pada 28 Ogos hingga 6 September 2026, sebagai antara acara utama sektor pertanian dan agro makanan negara.

####

Disediakan oleh:

Cawangan Korporat & Advokasi

FAMA Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

21 Julai 2026

